

## BAB 6

### PENILAIAN KAJIAN DAN PENUTUP

#### 6.1 Penghujahan Kajian

Kajian interaksi dan polarisasi etnik di kalangan pelajar ini telah mengukuhkan andaian pengkaji bahawa polarisasi kaum masih wujud dalam kawasan persekitaran universiti dan kolej swasta. Kadar interaksi antara pelajar berlainan kumpulan etnik juga masih di takok lama dan tidak banyak yang berubah jika dibandingkan dengan situasi sepuluh atau dua puluh tahun yang lalu. Pengelompokan yang wujud turut menyumbang kepada bentuk interaksi etnik yang wujud di kalangan pelajar ini yang didorong pula dengan sifat prejudis dan prasangka yang wujud dalam hampir setiap aspek pergaulan mereka.

Menurut Johan Jaafaar (2002:10), rakyat Malaysia masih lagi dipisahkan oleh garisan etnik dan sosial tetapi yang lebih penting adalah ianya berlandaskan aspek agama. Ini adalah kerana masih wujud ramai individu yang lebih gemar tinggal dalam kepompong masing-masing dengan hanya sedikit ataupun tiada langsung hubungan yang kukuh dengan orang lain. Kita sedar bahawa proses asimilasi antara kaum adalah sukar untuk dicapai tetapi usaha ke arah integrasi adalah lebih pragmatik. Menurut beliau:

*“...The divide among the Malays themselves since 1998 is serious enough. Among other races too, a sizeable part of our population is*

*drifting further and further apart. Everyone has their own reasons. The Malays, as they become more Muslim, tend to be more obsessed with the path of righteousness. They go deeper and deeper into their religion, thus deliberately "avoiding" others. The Chinese, for chauvinistic reasons at worst, would rather send their children to Chinese schools. The Chinese may have the impression that the education policy of this country is too Malay/Muslim-centric...despite the National Education System, only 2.1 per cent of Chinese and 4.0 per cent of Indians parents send their children to Sekolah Kebangsaan at primary level." (Johan Jaafar, 2002:10).*

Dalam memperkatakan tentang proses interaksi dan polarisasi, kajian telah menunjukkan bahawa proses penerapan konsep ini sememangnya telah bermula pada peringkat awal pembesaran remaja lagi dan aspek persekitaran memainkan peranan penting di sepanjang masa tersebut. Hipotesis yang telah di buat oleh pengkaji dianggap betul dengan merujuk kepada keputusan hasil kajian ini tentang aspek pendidikan rendah dan menengah yang diterima.

Para pelajar Melayu, Cina dan India khususnya merasa lebih selesa menghadiri sekolah yang menggunakan bahasa pertuturan harian mereka sebagai medium perantara di kalangan pelajar dengan guru dan pelajar dengan pelajar itu sendiri. Pelajar India walaubagaimanapun dianggap tidak mempunyai pilihan lain di sekolah menengah memandangkan hanya sekolah aliran Melayu, Cina dan Inggeris ditawarkan dan tidak ada sekolah aliran Tamil. Hasil daripada

interaksi yang wujud di antara pelajar India dan Melayu pada peringkat ini dapat membantu mengurangkan sikap prejudis pelajar India terhadap kumpulan etnik lain seperti mana yang telah dikemukakan dalam keputusan hasil kajian ini.

Pendedahan awal yang diterima oleh pelajar India ini secara tidak langsung telah membantu mereka untuk bersikap lebih optimistik dalam proses interaksi dengan kumpulan etnik berbeza. Keadaan yang berbeza wujud bagi pelajar etnik Melayu dan Cina yang mana mereka akan menyifatkan interaksi dengan pelajar kumpulan etnik berbeza memerlukan mereka berhadapan dengan masalah seperti bahasa dan budaya kumpulan etnik terlibat. Ketidakupayaan untuk mengabaikan masalah tersebut dalam interaksi harian adalah nyata memandangkan mereka telah didedahkan dengan persekitaran pendidikan yang majoriti pelajarnya adalah terdiri daripada pelajar etnik yang sama.

Menurut Shamsul A.B. (2002:18-19), dalam erti kata yang berbeza, perkembangan yang berlaku dalam pendidikan awam dan tanggapan-tanggapan yang dibentuk adalah mengenai sesuatu aspek dan kemanakah halatujunya: *'sekolah adalah (dan masih lagi) menjadi institusi penting bagi tamadun, untuk membentuk rakyat yang baik dan produktif'*. Apa yang nyata, kewujudan sekolah aliran Cina, Melayu, Tamil dan Inggeris memperjelaskan lagi sempadan etnik yang wujud, dan identiti etnik menjadi buntu dan didasarkan oleh bahasa dan budaya yang diamalkan.

Chiam Heng Keng (Mingguan Malaysia, 18 Ogos 2002: 7) pula berpendapat bahawa pendidikan agama dan moral yang diterima oleh pelajar di peringkat sekolah rendah akan mengajar mereka bahawa disebabkan oleh mereka berbeza agama maka mereka tidak boleh buat itu dan buat ini yang kemudiannya diserap ke dalam pemikiran para pelajar, seterusnya ini akan menjadi sebahagian daripada personaliti mereka yang menghalang mereka daripada bercampur.

Apabila pemikiran mengenai perbezaan kaum sudah terbina dalam jangka waktu yang begitu lama, kita tidak berupaya untuk mengubahnya semasa di universiti. Kita boleh memaksa mereka untuk berkongsi bilik, tetapi jika mereka tidak gembira ianya akan memberi kesan kepada pelajaran dan kehidupan mereka semada di universiti. Oleh itu bagi beliau, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral menyebabkan generasi muda menjadi terlalu prihatin dalam hubungan mereka dengan kaum lain dan mengajar mereka bahawa mereka sebenarnya adalah manusia yang berbeza (Mingguan Malaysia, 18 Ogos 2002: 7).

Pergaulan yang dibataskan di kalangan pelajar dalam kumpulan etnik tertentu terus menyumbang kepada kesukaran untuk berinteraksi dengan kumpulan etnik yang lain ketika berada di peringkat pengajian tinggi khususnya. Senario ini tidak hanya wujud di kalangan pelajar terlibat bahkan turut wujud dalam interaksi masyarakat umum khususnya. Sekiranya pelajar terlibat mula

bergaul dengan pelajar daripada kumpulan etnik lain pada peringkat yang lebih awal seperti pendedahan di peringkat sekolah rendah, berkemungkinan besar usaha untuk menyemaikan idea dan pendapat tentang kumpulan etnik lain akan terbentuk dengan sewajarnya. Apabila ini dapat diusahakan, maka kemungkinan untuk meningkatkan kadar interaksi di kalangan para pelajar di peringkat pengajian tinggi akan dapat diperluaskan.

Kurangnya pendedahan awal dengan lain-lain kumpulan etnik pada usia muda turut menyumbang kepada kewujudan perasaan negatif dan gambaran stereotaip terhadap kumpulan etnik lain. Keadaan ini menjadi semakin jelas sekiranya ketika berinteraksi berjalan mereka mungkin merasakan bahawa mereka mungkin tidak menepati atau tidak berupaya setanding dengan kriteria tertentu yang telah distereotaipkan dalam satu-satu kumpulan etnik. Perasaan ini akan tersemai dengan lebih mendalam lagi sekiranya dilihat kepada bentuk persekitaran kejiranan iaitu dengan melihat apakah komposisi etnik di kawasan tersebut pada zaman kanak-kanak mahupun pada masa kini.

Sebahagian besar daripada pelajar yang terlibat dalam kajian ini tinggal di kawasan kejiranan yang mempunyai majoriti penduduk daripada kumpulan etnik yang sama. Ini bermaksud latar belakang persekitaran kejiranan ini turut sama mendorong atau menyumbang kepada pembentukan sesuatu perspektif dan tanggapan terhadap kumpulan etnik lain. Orang Melayu lebih gemar tinggal di kawasan yang dikelilingi oleh orang Melayu, begitu juga dengan orang Cina dan

India. Keadaan ini adalah lebih ketara pada zaman pelajar masih kanak-kanak berbanding dengan kawasan tempat tinggal pada masa kini akibat daripada perpindahan ataupun melanjutkan pelajaran serta menyewa rumah yang berdekatan dengan tempat belajar mereka.

Malah bagi para pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam mereka mungkin akan ditempatkan di asrama di kawasan kampus masing-masing. Jadi pendedahan kepada aspek persekitaran ini juga akan memperlihatkan bagaimana polarisasi etnik yang wujud pada peringkat awal perkembangan para pelajar ini melalui proses sosialisasi daripada ibubapa, kawan-kawan serta jiran tetangga akan membentuk perspektif pelajar ini.

Situasi ini turut mendedahkan bahawa tinggal berdekatan di antara satu sama lain adalah penting dalam usaha menerapkan interaksi dan solidariti di kalangan pelajar daripada pelbagai kumpulan etnik. Sepertimana menurut Tan Chee Beng (1982) interaksi berterusan dapat memastikan persefahaman dan sikap hormat-menghormati wujud dengan lebih mendalam, manakala kurangnya interaksi di peringkat interpersonal ini juga akan turut memperhebatkan lagi aspek seterotaip dan permusuhan antara kumpulan-kumpulan etnik berbeza ini.

Wujud juga keadaan yang mana sebagai jiran tetangga, adakalanya ianya tidak dapat menjamin interaksi akan wujud. Sepertimana yang berlaku di kawasan bandar, masyarakat pelbagai etnik tinggal berdekatan bersama-sama

tetapi keseluruhan aspek perancangan bandar di kawasan terlibat tidak menggalakkan interaksi antara mereka. Oleh itu situasi yang wujud di tempat kerja dan juga institusi pendidikan adalah lebih penting dalam menggalakkan proses interaksi antara etnik berbanding dengan kontak hubungan yang wujud di kawasan kejiranan (Tan Chee Beng, 1982:55).

Pendapat ini dapat diterima jika kita rujuk kepada corak kehidupan masyarakat bandar kini yang mana wujud kawasan kejiranan berbentuk pangsapuri mahupun kondominium. Kewujudan konsep perumahan sebegini juga turut menyumbang kepada kurangnya interaksi yang berlaku disebabkan oleh sikap berjaga-jaga yang sentiasa diambil oleh penduduk dalam kehidupan harian mereka. Bentuk perumahan seperti ini turut menjarakkan hubungan dan interaksi antara kumpulan etnik memandangkan pangsapuri kos rendah kebanyakannya di duduki oleh orang Melayu manakala kondominium mewah diduduki oleh orang Cina.

Sehubungan dengan itu pelajar yang telah biasa dengan persekitaran sebegini akan turut terbawa-bawa dengan sikap berhati-hati mereka dalam interaksi dengan kumpulan etnik lain mahupun dengan kumpulan etnik sendiri. Daripada pemerhatian yang telah dilakukan oleh pengkaji, aspek interaksi dan polarisasi tidak hanya wujud di kalangan pelajar daripada kumpulan etnik berbeza malah di kalangan kumpulan etnik yang sama tetapi daripada kelompok budaya atau negeri yang berlainan.

Pelajar Melayu sendiri kurang berinteraksi dengan pelajar Melayu lain sekiranya mereka mendapati mereka sukar untuk memahami bahasa dan budaya pelajar dari negeri lain dan interaksi mungkin berlaku hanya apabila adanya keperluan. Situasi yang sama wujud di kalangan pelajar Cina dan India yang kurang berinteraksi di antara satu sama lain mungkin disebabkan oleh faktor-faktor sampingan lain seperti status dan penampilan walaupun ianya tidaklah begitu ketara dan tidak meninggalkan sebarang kesan buruk terhadap usaha interaksi dan integrasi etnik.

Berdasarkan pengalaman pengkaji sendiri yang telah dilahirkan serta dibesarkan di kawasan kejiranan yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik, hubungan erat wujud di antara semua etnik terlibat. Semangat kejiranan dan perkongsian yang wujud di antara pelbagai kaum ini adalah jauh lebih baik pada waktu itu iaitu di sekitar tahun 70-an berbanding pada masa sekarang.

Dalam suasana kejiranan yang wujud, penghuni-penghuni mengenali baik jiran tetangga mereka yang terdiri daripada semua kumpulan etnik dan jarang-jarang sekali berlakunya ketidaksefahaman di antara para pelajar yang berbeza etnik ketika di sekolah. Keadaan ini mungkin wujud hasil daripada interaksi berterusan tanpa rasa segan-silu mahupun sikap prejudis terhadap kaum lain. Walaubagaimanapun hasil kajian ini menunjukkan bahawa keadaan ini telah menrosot di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi kini.



Pendapat yang hampir sama telah diutarakan oleh Firdaus Abdullah (Berita Harian, 25 Ogos 2002:15) yang turut mengakui bahawa interaksi di antara para pelajar yang berlainan kaum semakin renggang kini berbanding tiga puluh tahun dahulu. Menurut beliau, pada masa itu beliau boleh melihat pelajar Melayu dan Cina mengadakan '*study group*' secara spontan untuk berbincang bersama-sama. Mereka bukan sahaja boleh berinteraksi untuk meningkatkan prestasi akademik tetapi juga boleh berinteraksi dengan baik dalam kegiatan sosial seperti bersukan, menonton wayang bersama-sama dan sebagainya. Tetapi dari setahun ke setahun sehinggalah ke hari ini interaksi sedemikian semakin berkurangan hampir pada tahap yang tidak ada langsung. Kerenggangan ini telah bermula sejak daripada bangku sekolah lagi. Kurangnya pergaulan dan pengetahuan mengenai satu sama lain telah berlarutan sehinggalah ke peringkat universiti.

Rata-rata pelajar tidak menafikan akan kewujudan polarisasi kaum namum ianya masih di tahap terkawal dan tidak membimbangkan. Jika dilihat daripada aspek psikologi pula sehingga kini ianya tidak memudaratkan mana-mana pihak kerana kecenderungan untuk berada dalam kumpulan etnik yang sama adalah sekadar didorong oleh perasaan ingin lebih selamat. Usaha-usaha yang lebih intensif turut dijalankan oleh semua pihak untuk meningkatkan kadar interaksi kaum ini dan mengurangkan polarisasi yang wujud termasuklah dengan mengadakan persatuan-persatuan anak negeri mahupun persatuan bersifat etnik yang lain, sekolah wawasan, dan kempen-kempen perpaduan oleh kerajaan.

Adakah usaha-usaha yang diwarwarkan ini akan dapat membantu mengurangkan polarisasi antara etnik dan meningkatkan integrasi antara mereka ataupun sebaliknya?

Walaupun bagaimanapun Persatuan Anak Negeri di universiti kini kurang digalakkan kerana dikhuatiri memberi kesan buruk kepada integrasi kaum kerana dikatakan ianya boleh menyebabkan perasaan kenegerian semakin menebal sehingga mewujudkan kelompok-kelompok tertentu dan menghalang integrasi dengan pelajar lain.

Isu yang cuba diketengahkan di sini adalah ada di antara usaha-usaha yang diambil ini ada ketikanya tidak dapat memenuhi matlamat sebenarnya. Apakah yang menjadi landasan kepada interaksi yang wujud di antara pelajar pada masa tida dekad dahulu memandangkan para pelajar ketika itu jarang menghadapi masalah untuk berinteraksi antara satu sama dan masing-masing telah sedia maklum dengan budaya dan cara hidup kaum lain. Mereka dapat berinteraksi dengan terbuka tanpa rasa segan dan sebilangan besar daripada para pelajar daripada kumpulan etnik berbeza ini boleh menjadi sahabat karib yang terus berhubung rapat sehingga kini.

Sejauh manakah keadaan ini dapat dilihat di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Kolej Swasta kini. Apakah keadaan ini didorong oleh agen-agen sosialisasi tertentu seperti media massa? Walaupun kita sedar bahawa tujuan

asalnya adalah untuk memastikan masyarakat lebih memahami antara satu sama lain dengan lebih baik lagi tetapi ada kalanya ia menyebabkan masyarakat menjadi semakin jelas tentang perbezaan yang wujud antara kumpulan-kumpulan etnik ini.

Matlamat untuk memberi kesedaran dan informasi yang berguna ini ada ketikanya bertukar menjadi satu bentuk 'amaran' bahawa setiap kumpulan etnik perlu berhati-hati dan berjaga-jaga dalam proses interaksi dengan etnik yang lain. Ini di sebabkan wujudnya perbezaan budaya dan kepercayaan. Pada dasarnya usaha sebegini adalah bertujuan untuk menyedarkan masyarakat tentang betapa pentingnya interaksi dan integrasi etnik. Sebaliknya tanpa kita sedari kemungkinan besar pengulangan berterusan sesuatu isu akan mengakibatkan para pelajar khususnya tidak gemar untuk memulakan interaksi dengan pelajar etnik lain kerana mungkin telah wujudnya stereotaip tertentu terhadap kumpulan etnik lain.

Tidak dapat dinafikan bahawa kurangnya interaksi di antara para pelajar daripada pelbagai kumpulan etnik akan turut memperlahankan usaha integrasi di peringkat negara umumnya. Keputusan kajian ini dalam melihat aspek respons pelajar tentang hubungan harian mereka dengan etnik lain, apakah perasaan mereka serta situasi hubungan etnik yang wujud di kampus masing-masing akan dapat menerangkan hipotesis kedua pengkaji. Hasil yang diperolehi menunjukkan bahawa interaksi harian dengan pelajar dari kumpulan etnik lain di

kampus masing-masing wujud hanya apabila adanya 'keperluan' di kalangan para pelajar terlibat tetapi sebaliknya jarang sekali wujud berlandaskan keinginan sendiri. Di antara semua pelajar daripada pelbagai kumpulan etnik, pelajar India didapati paling kurang menghadapi masalah dalam interaksi harian mereka dengan kumpulan etnik lain mereka jarang berperasaan negatif mahupun bersikap prejudis terhadap pelajar etnik lain.

Keadaan ini menjelaskan bahawa polarisasi etnik di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi masih wujud. Kepentingan sendiri sepatutnya tidak didahulukan dalam usaha memulakan proses interaksi di kalangan pelajar berlainan etnik. Keadaan ini akan terus menyumbang kepada kewujudan polarisasi etnik di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia amnya. Sekiranya para pelajar sendiri tidak mewujudkan inisiatif untuk memperbaiki keadaan yang wujud, konsep integrasi dan perpaduan nasional yang digembar-gemburkan dalam Wawasan 2020 adalah sukar untuk dicapai dalam masa terdekat.

Senario hubungan etnik ini digambarkan oleh keputusan kajian yang mana didapati bahawa kurang daripada 50.0% responden percaya bahawa hubungan etnik yang wujud dalam aspek politik mahupun sosio-budaya di kampus masing-masing berada pada tahap yang memuaskan manakala selebihnya pula berpendapat bahawa masih banyak ruang untuk membaiki keadaan ini. Walaubagaimanapun usaha lanjut perlulah di ambil oleh pihak

institusi pendidikan dalam menggalakkan interaksi di kalangan para pelajar ini dalam proses meningkatkan integrasi kaum.

Tidak dapat dinafikan bahawa pelajar-pelajar daripada pelbagai kumpulan etnik di Malaysia berinteraksi di antara satu sama lain yang mana perbezaan bahasa dan budaya tidak menghalang mereka untuk berinteraksi menjangkau sempadan etnik walaupun wujud institusi-institusi budaya yang mungkin tidak berkaitan yang menyebabkan ketegangan dalam interaksi etnik (Tan Chee Beng, 1982:52). Kenyataan ini menjelaskan bahawa dalam isu hubungan etnik, aspek persefahaman, hubungan dan toleransi sahaja tidak berupaya untuk mengurangkan polarisasi etnik.

Keputusan kajian turut mencadangkan bahawa para responden yakin bahawa masa depan hubungan etnik di Malaysia akan terus bertambah baik walaupun usaha terus dijalankan untuk mengelakkan ianya daripada merosot. Pendapat mereka adalah berkait rapat dengan masalah-masalah yang telah diutarakan dalam proses interaksi harian dengan pelajar daripada kumpulan etnik lain. Antara masalah utama yang telah dikenalpasti adalah sikap prejudis dan kesukaran untuk berkomunikasi yang disebabkan oleh perbezaan bahasa dan budaya.

Masalah ini turut berkait rapat dengan isu persekitaran yang kurang mendedahkan para pelajar dengan kumpulan etnik lain yang akhirnya akan

mengakibatkan pelajar terlibat merasa kurang yakin dan kurang gemar untuk bergaul dengan pelajar daripada kumpulan etnik lain. Status dan kelas sosial seseorang pelajar juga mungkin menjadi salah satu daripada faktor yang menghalang perkembangan interaksi yang lebih mesra di kalangan pelajar pelbagai etnik ini.

Walaupun begitu, di kalangan pelajar Melayu khususnya, sebahagian besar daripada mereka berpendapat yang mereka tidak pernah mempunyai perasaan negatif atau prejudis dengan pelajar Melayu yang lain tetapi perbezaan peratusan pelajar yang memberi pendapat 'kadang-kadang' dan 'jarang-jarang' adalah jauh lebih signifikan berbanding dengan jawapan yang dikemukakan oleh pelajar Cina terhadap pelajar Cina lain dan pelajar India terhadap pelajar India lain.

Jadi apa yang dapat kita katakan di sini adalah konsep 'autostereotaip' adalah lebih ketara di dalam interaksi pelajar Melayu dengan pelajar Melayu lain. Antara faktor yang turut menyumbang kepada kewujudan senario ini adalah aspek kedaerahan dan juga kesukaran yang mungkin di hadapi untuk memahami dialek pertuturan berbeza di antara mereka dan mengurangkan salah faham yang mungkin berlaku. Perbezaan dialek juga wujud di kalangan masyarakat Cina tetapi 'autostereotaip' tidak wujud sebagai satu bentuk masalah. Sebab-musabab bagi perkara ini tidak begitu jelas kepada pengkaji.

Sehubungan dengan itu, kurangnya keyakinan pelajar untuk berinteraksi dengan pelajar daripada kumpulan etnik lain akan mewujudkan perasaan bercampur aduk tentang masa depan hubungan etnik di Malaysia. Walaubagaimanapun keadaan ini tidak berupaya untuk menghalang institusi pendidikan khususnya daripada terus berusaha bagi memastikan kesinambungan dalam integrasi dan perpaduan kaum di Malaysia kelak.

Dalam usaha memastikan perpaduan kaum terus utuh, pelajar dan pihak universiti dan kolej, khususnya, telah menganjurkan pelbagai aktiviti yang memerlukan penyertaan daripada semua kaum seperti perarakan Hari Kebangsaan, sambutan Hari Keluarga, mengadakan gotong-royong, seminar dan juga mewujudkan kelab-kelab budaya. Aktiviti seumpama ini diharapkan dapat bertindak sebagai pentas untuk memulakan interaksi antara pelajar dan seterusnya mewujudkan kerjasama dalam usaha mengekalkan perpaduan dan mengurangkan polarisasi etnik.

Menurut para responden, masa depan hubungan etnik di Malaysia masih kukuh dan dijangkakan akan bertambah baik dalam jangka masa lima tahun akan datang. Walaupun begitu sebilangan besar responden menjangkakan integrasi dan perpaduan yang wujud kini akan tetap berada pada tahap yang sama dan tidak banyak berubah. Pendapat mereka ini memaparkan bahawa keadaan baik yang wujud kini diharapkan akan bertambah baik dengan adanya pelbagai usaha dan inisiatif daripada semua pihak.

Antara yang jelas adalah aspek pendidikan itu sendiri kerana seperti kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebungnya' dan pendidikan yang diterima pada peringkat awal perkembangan pelajar adalah penting dalam pembentukan sikap dan persepsi pelajar tentang kepentingan untuk berinteraksi dengan semua tanpa mengambil kira batas kaum.

Pendidikan informal pada peringkat awal juga turut diberi penekanan. Antaranya adalah dengan memberi contoh dan teladan yang baik kepada anak-anak tentang betapa pentingnya proses interaksi dalam usaha menyemaikan perasaan toleransi dan persefahaman di antara pelbagai kumpulan etnik. Perlu disedari di sini bahawa tanpa pendidikan tidak akan wujud integrasi dan perpaduan, dan tanpa perpaduan pembangunan tidak dapat dikecapi, dan tanpa pembangunan segala visi dan misi negara tidak akan dapat di capai.

## **6.2 Implikasi Kajian**

Sekilas imbas, para pelajar masih lagi berhadapan dengan masalah hubungan etnik yang wujud di Insitusi Pengajian Tinggi khususnya adalah. Sehubungan dengan itu semua pihak terlibat termasuk ibubapa, sekolah, parti politik dan individu itu sendiri perlulah prihatin tentang kewujudan polarisasi etnik di peringkat kampus dan mula memikirkan serta mengambil langkah selanjutnya. Antaranya adalah dengan penyertaan pelbagai kumpulan etnik dalam sambutan keraian, gotong-royong dan sebagainya untuk mengurangkan sebarang bentuk



ketegangan yang mungkin di hadapi oleh para pelajar ketika melanjutkan pelajaran mereka di Institusi Pengajian Tinggi.

Tidak dapat dinafikan bahawa faktor pendidikan adalah faktor penggerak utama dalam usaha mengekalkan integrasi dan perpaduan masyarakat. Sehubungan dengan itu kualiti pendidikan yang membina serta tenaga pengajar yang profesional perlulah dikekalkan. Kementerian Pendidikan khususnya terlibat secara langsung dengan pengenalan dan kewujudan pelbagai polisi pendidikan. Lantaran itu penguatkuasaan yang lebih efisien dalam usaha mengekalkan perpaduan dan membantu membaiki keadaan interaksi adalah perlu dalam usaha mengurangkan polarisasi yang wujud.

Menurut Brown (1990:7), usaha untuk memahami apa sebenarnya yang berlaku terhadap pendidikan tinggi di peringkat universiti dan kolej adalah ianya dipengaruhi oleh proses pendidikan pada tahap yang lebih rendah iaitu di peringkat sekolah rendah dan menengah. Pendapat beliau hampir selari dengan apa yang telah dibincangkan dalam bab sebelum ini. Rich (1988) telah mengenalpasti sebelas '*MegaSkills*' yang memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan seseorang individu ketika di bangku sekolah lagi dan juga di peringkat seterusnya. Seseorang pelajar itu wajar menguasai '*MegaSkills*' ini pada usia muda lagi. '*MegaSkills*' yang dimaksudkan oleh beliau adalah terdiri daripada:

- ☞ keyakinan (*confidence*)
- ☞ motivasi (*motivation*)
- ☞ berdaya usaha (*effort*)
- ☞ tanggungjawab (*responsibility*)
- ☞ inisiatif (*initiative*), tekun (*perseverance*)
- ☞ mengambil berat (*caring*)
- ☞ kerja berpasukan (*teamwork*)
- ☞ persaingan (*competition*)
- ☞ akal waras (*common sense*) dan
- ☞ penyelesaian masalah (*problem solving*)

Dalam usaha untuk mempercepatkan proses integrasi dan perpaduan tersebut, penglibatan para pelajar dalam usaha 'membantu' negara adalah amat perlu. Ini akan dapat dicapai dengan membantu mereka untuk lebih kerap bergaul serta berinteraksi dengan kumpulan etnik lain dan juga sebarang bentuk hubungan atau kontak pertama tidak sepatutnya berlandaskan kepada keperluan tertentu.

Sekiranya mereka sanggup untuk bersikap terbuka dan menerima orang lain berdasarkan siapakah diri, maka proses interaksi akan lebih mudah untuk dilaksanakan. Kepada para ibubapa pula, penglibatan mereka dalam menyemai dan memulakan interaksi awal di antara anak-anak mereka dengan kanak-kanak daripada kumpulan etnik lain akan menjadi satu bentuk kelebihan yang dihargai.

Merujuk kepada pelbagai masalah yang wujud dalam interaksi harian para pelajar terlibat, keupayaan mereka untuk terus bersatu sehingga kini tidak dapat dinafikan. Perasaan bercampur baur yang wujud semasa proses interaksi dengan kumpulan etnik lain sepatutnya diketepikan sekiranya kita semua percaya bahawa kita hidup dan tinggal di bawah satu bumbung yang sama. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan generasi berikutnya akan berupaya untuk menikmati persekitaran yang sama seperti kita ataupun mungkin lebih baik daripada yang kita lalui. Ini bererti sikap prejudis dan stereotaip terhadap kumpulan etnik perlulah diketepikan dan diabaikan.

Kajian ini turut menjelaskan bahawa pelbagai usaha telah diambil untuk mewujudkan perpaduan kaum terutamanya di kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi iaitu dengan memokuskan kepada aktiviti-aktiviti yang memerlukan penglibatan pelbagai kumpulan etnik. Sebahagian besar daripada para pelajar bergantung kepada pelajar daripada kumpulan etnik yang sama sekiranya mereka ingin mendapatkan khidmat nasihat dan juga untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi di Institusi Pengajian Tinggi masing-masing. Usaha-usaha yang dianjurkan tidak akan berjaya sekiranya pelajar sendiri tidak mengambil serius dengan inisiatif yang telah diambil kerana kita tidak berupaya untuk bergantung kepada satu pihak sahaja dalam usaha untuk mengurangkan sebarang bentuk masalah yang dihadapi dalam kampus yang terdiri dari pelbagai kumpulan etnik.

Persatuan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi sewajarnya tidak mengamalkan sikap perkauman dan kenegerian dalam mengadakan sebarang aktiviti kerana apa yang penting adalah usaha untuk mengintegrasikan dan memastikan perpaduan kaum akan terus kukuh. Tun Dr. Mahathir sendiri pernah mengumumkan hasrat kerajaan yang akan memberi ganjaran sebagai satu bentuk insentif kepada persatuan pelajar yang dapat mencipta kaedah untuk merapatkan hubungan dan menarik penyertaan pelajar daripada semua kumpulan etnik. Konsep Sekolah Wawasan yang bakal memberi penekanan kepada percampuran pelajar daripada semua aliran yang berbeza diharapkan akan berupaya untuk menyuburkan proses interaksi di kalangan pelajar pelbagai etnik di tahap sekolah rendah lagi.

Universiti dan Kolej bolehlah dianggap sebagai tapak yang paling sesuai untuk menyemai perpaduan tetapi ianya hanya akan berubah menjadi kenyataan sekiranya usaha yang di ambil oleh pihak terlibat tidak menjejaskan identiti kaum terlibat. Kita harus memastikan bahawa integrasi dan perpaduan kaum yang wujud perlu lahir dengan ikhlas dalam diri setiap pelajar dan bukannya pada zahirnya sahaja dan tiada keikhlasan untuk benar-benar bersatu padu masih tidak menjadi nyata.

Ini adalah kerana perpaduan tidak boleh dikecapi melalui proses undang-undang mahupun paksaan. Sebaliknya ia perlulah disemai dalam diri setiap rakyat dengan secara sukarela dengan menimbulkan kesedaran kepada mereka

bahawa mereka tidak mempunyai pilihan alternatif kecuali untuk hidup dalam keadaan aman dan harmonis di antara satu sama lain.

### **6.3 Cadangan Kajian**

Dalam usaha untuk mendapat gambaran yang lebih terperinci tentang polarisasi etnik, pendekatan jangka pendek dan juga jangka panjang bolehlah diteruskan dalam skala yang lebih besar. Rakyat Malaysia, khususnya, termasuklah para pelajar dan belia yang berasa was-was dan keberatan untuk turut serta dalam sebarang soal-selidik yang dijalankan bersikap tertutup perlulah mengubah sikap mereka demi mendapat satu maklum balas yang tepat.

Oleh itu Institusi Pendidikan khususnya perlulah mengadakan inisiatif untuk mendidik masyarakat tentang betapa pentingnya hubungan etnik dan juga kajian-kajian yang dijalankan dan faedah yang bakal diperolehi daripadanya kepada masyarakat terlibat. Hasil kajian juga perlulah dimaklumkan kepada institusi-institusi berkaitan dalam usaha untuk mendapatkan kerjasama dan sokongan berterusan ketika menjalankan penyelidikan tersebut.

Kajian yang akan datang juga bolehlah mengkaji aspek sejauh manakah latar belakang persekitaran individu memainkan peranan dalam interaksi harian mereka di Institusi Pengajian Tinggi. Hasil kajian akan menjadi lebih sempurna sekiranya bakal pengkaji berupaya untuk mengenalpasti akan faktor-faktor yang

tidak dinyatakan di dalam kajian. Ini termasuklah impak alam sekitar kepada pembangunan perspektif individu dan juga perasaan terhadap kumpulan etnik lain, impak yang diberikan oleh media masa seperti media cetak, teknologi komputer dan sebagainya terhadap interaksi etnik.

Cadangan kajian berikutnya juga boleh dilakukan dalam mendefinisikan isu perpaduan nasional dengan melihat kepada faktor-faktor yang menyumbang kepada ikatan yang lebih utuh wujud di kalangan pelajar dan belia Malaysia khususnya. Kepentingan faktor-faktor ini diharapkan akan dapat dijadikan satu landasan untuk mengukur kejayaan yang diperolehi dalam usaha-usaha dan polisi-polisi yang dianjurkan oleh pihak-pihak berkaitan. Di samping itu juga keupayaan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang dapat membantu serta menjadikan hubungan etnik lebih berkesan dan akan lebih berjaya sekiranya kita dapat mengeneipkan sebarang bentuk perasaan negatif antara satu kumpulan etnik dengan yang lain adalah satu lagi bentuk kelebihan yang boleh di harap.

Akhir sekali kajian juga boleh dijalankan dengan membuat perbandingan tentang hubungan etnik yang wujud di Institusi Pengajian Tinggi dengan menjurus kepada pemahaman tentang pelajar di institusi pendidikan yang terlibat. Perbandingan yang dilakukan adalah diharapkan akan berupaya untuk memperjelaskan lagi hasil kajian yang diperolehi dalam kajian ini tentang isu interaksi, polarisasi dan integrasi nasional. Dengan itu satu bentuk inisiatif baru akan dapat diambil untuk membaiki sebarang bentuk kelemahan yang mungkin

wujud, justeru meningkatkan kadar interaksi dan mengurangkan polarisasi di kalangan pelajar berlainan etnik.

#### **6.4 Penutup**

Kesimpulannya, etnisiti wujud dalam semua aspek kehidupan masyarakat dan pengalaman pendidikan adalah antara faktor yang meneguhkan lagi perbezaan etnik yang wujud dan mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap satu sama lain. Sekiranya keadaan ini berterusan, berkemungkinan besar ianya akan mengakibatkan kelemahan dalam interaksi etnik yang sedia wujud dan akhirnya akan turut menyumbang kepada sikap prejudis terhadap satu sama lain. Hasilnya, masyarakat mungkin akan terus leka dengan isu hubungan etnik dalam setiap aspek kehidupan sama ada sosial, budaya, ekonomi mahupun politik.

Adalah tidak dapat dielakkan bahawa dalam masyarakat pelbagai etnik, etnik yang berbeza akan mempunyai stereotaip tentang kumpulan etnik yang ada dan mereka akan turut digeneralisasikan serta diberikan karakter tertentu yang mungkin merupakan sesuatu yang positif mahupun negatif walaupun acap kalinya ia lebih cenderung kepada hal-hal yang negatif. Senario ini akan terus wujud kerana adanya perbezaan budaya dan pengalaman interaksi lepas Kerap kali dalam proses interaksi harian masyarakat, mereka akan merujuk kepada

segelintir orang dengan panggilan tertentu tanpa mempunyai nada diskriminasi mahupun prejudis seperti 'mamak roti', 'drebar melayu' ataupun 'tauke cina'.

Sehubungan dengan itu pelajar khususnya perlulah menerima kenyataan bahawa interaksi dengan kumpulan etnik lain bukanlah merupakan sesuatu yang sukar untuk diaplikasikan. Kewujudan polarisasi tidak dapat dielakkan sekiranya wujud pertembungan antara budaya dan kepercayaan yang berbeza dan ini merupakan satu fenomena biasa. Jadi adalah wajar bagi kita untuk menerima hakikat tersebut dan mempergunakan sepenuhnya pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi untuk mengeratkan lagi hubungan kaum di Malaysia khususnya dalam menjayakan Wawasan 2020 yang diutarakan.

Jelas sekali kepada kita bahawa setiap seorang menunjukkan minat dan perhatian dalam aspek pendidikan tetapi pada masa yang sama ianya turut dipergunakan bagi mencapai matlamat-matlamat lain. Keadaan ini akan berterusan sehinggalah wujud kesedaran daripada semua pihak bahawa interaksi dan integrasi kaum sebenarnya bermula di peringkat sekolah rendah lagi maka kesilapan lepas akan terus berulang.

Saranan oleh pihak kerajaan sendiri yang menolak konsep asimilasi tetapi sebaliknya berpegang teguh dengan prinsip integrasi jelas mempamerkan keprihatinan negara terhadap kebajikan semua kaum. Ini adalah kerana integrasi tidak memaksa seseorang itu untuk menukar identiti, nama, agama mahupun



budaya mereka untuk diasimilasikan mengikut kaum majoriti. Sehubungan dengan itu Malaysia wajar dianggap sebagai 'rumah api' kepada hubungan pelbagai kaum yang sepatutnya di hargai, bukannya dihina dan ia sewajarnya dijadikan sumber kekuatan, bukannya sumber kelemahan bagi hubungan interaksi di kalangan pelbagai kumpulan etnik di bumi bertuah ini.

Semoga interaksi di kalangan pelajar pelbagai etnik di Malaysia akan lebih mekar berbanding dengan apa yang telah ditunjukkan dalam kajian ini dan akhirnya mengikis polarisasi yang wujud di masa akan datang kerana kita tidak menafikan bahawa ajaran semua kaum menggesa umatnya untuk bersatu dan mewujudkan kedamaian termasuklah agama Islam sendiri seperti mana firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*“Sesungguhnya orang-orang yang berpecah-belah dalam agamanya dan mereka bergolong-golongan, bukanlah engkau dari golongan mereka itu sedikit juapun. Sesungguhnya urusan mereka (terserah) kepada Allah, kemudian Allah menggambarkan kepada mereka tentang apa yang mereka perbuat” (Surah Al-Na'aam : ayat 159).*

